

SKUM suntik dana tingkat aktiviti PdP norma baharu UMS

UB 26.06.2021 P.1

Oleh Yap Slong Han

KOTA KINABALU: Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) menyumbang RM20,000 dalam bentuk geran kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menjayakan Program Melestarikan Batik Warna Alami.

Bengkel Batik Warna Alami yang dianjurkan secara hibrid adalah satu usaha UMS membawa ilmu dari bilik kuliah kepada komuniti di mana pelajar berkenaan tinggal.

Selain itu, program berkenaan bertujuan membantu komuniti dan penggiat industri kraf tempatan khususnya pengusaha batik dalam aspek taraf ekonomi



TAUFIQ

mereka.

Untuk rekod bengkel ini merupakan siri Latih dan Bimbing diterapkan dalam aktiviti Pengajaran dan

Pembelajaran (PdP) pelajar yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2019.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, bengkel anjuran bersama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dan Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) itu adalah selaras dengan Hala Tuju Kelestarian Industri Kraf untuk menjadikan industri kraf terus berkembang dan lestari.

“Menyedari kekayaan sumber flora yang dimiliki Sabah, bengkel ini digerakkan bagi membangunkan modal insan dengan mengambil inisiatif melestarikan seni batik melalui kerjasama pensyarah dan pelajar yang mengikuti Kursus Batik

dari Program Teknologi Seni Visual, pelajar institusi pengajian tinggi, pihak industri serta komuniti.

“Menerusi bengkel ini, tempoh 14 hari persediaan awal diberikan kepada mereka yang berminat menceburi bidang batik eco-print dan menjadikan sebagai kerjaya.

“Bengkel ini dilaksanakan secara hibrid iaitu kelas teori yang dilakukan secara dalam talian melibatkan tenaga pengajar terdiri daripada pensyarah UMS, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Universiti College Sabah Foundation (UCSF), Pusat Kraftangan Malaysia (Cawangan Sabah) dan juga pemain industri kraf tangan batik eco-print atau batik

alami,” katanya ketika merasmikan penutupan bengkel yang disiarkan secara dalam talian menerusi platform laman rasmi Facebook UMS Official, semalam.

Beliau berkata, aktiviti praktikal pula dilaksanakan di mana pelajar tinggal bersama ahli komuniti, dan setiap pelajar diberikan tugas membimbing ahli komuniti bagi menghasilkan Batik Alami dengan menggunakan bahan semula jadi di kawasan masing-masing.

“Batik alami merupakan teknik menghasilkan batik dengan menggunakan tumbuhan semula jadi seperti daun, kulit kayu dan akar pokok yang corak dan warnanya lebih mesra alam tanpa menggunakan bahan

kimia.

“Warna serta corak batik dihasilkan secara semula jadi daripada dedaun pilihan seperti daun jarak, daun lemuni, daun ceri dan daun ketapang yang disusun pada kain sebelum digulung dan diikat kemas untuk dikukus selama dua jam,” katanya.

Beliau berkata, dengan perkongsian dan perpindahan ilmu yang digerakkan melalui Bengkel Batik Warna Alami, ia mampu membantu komuniti yang terlibat memperbaiki taraf ekonomi yang terjejas berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan bagi membendung penularan pandemik COVID-19 pada ketika ini.